

## **BAB SATU**

### **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan strategi dan kaedah kajian seperti cara pengumpulan data, pemilihan sampel, tempat, alat-alat kajian dan cara pemarkatan data-data, serta prosedur dan analisis data yang digunakan.

#### **1.1 Pengumpulan Data**

Data-data yang digunakan bagi kajian ini adalah terdiri daripada data-data ‘primer’ dan ‘sekunder’. Data-data ini diperolehi melalui sumber-sumber berikut:

##### **1.1(a) Buku, Jurnal dan Penerbitan (kajian perpustakaan)**

Data-data sekunder ini telah dikumpulkan melalui penyelidikan perpustakaan. Maklumat dan data-data ini diperolehi melalui rujukan yang dibuat ke atas buku-buku, majalah, artikel, kertas-kertas seminar serta lain-lain penerbitan. Melalui kajian perpustakaan ini, penulis mendapat gambaran awal mengenai tajuk kajian dan dapat memberikan input bagi membantu penulis dalam bab satu dan bab dua. Ini termasuklah berkaitan dengan teori/konsep personaliti dan sikap, personaliti dan sikap menurut pandangan Islam serta kesan dan pengaruh kedua-duanya pada produktiviti kerja. Melalui pengumpulan data sekunder ini juga dapat memberi satu kefahaman asas dan

menyeluruh mengenai topik yang dikaji bagi memastikan proses data primer dapat dijalankan dengan lancar.

### **1.1(b) Dokumentasi dan laman web**

Manakala maklumat / data dan dokumen-dokumen Universiti Malaya seperti sejarah UM dan laporan tahunan diperolehi melalui laman web UM dan buku kalender UM. Bagi memperkuatkan lagi data / maklumat ini, pengkaji meminta bantuan daripada Pengurusan Sumber Manusia UM bagi mendapat maklumat terkini seperti jumlah bilangan pensyarah dan latar belakang Universiti Malaya.

### **1.1(c) Borang Soal selidik (Kajian lapangan)**

Borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat/data-data berbentuk ‘primer’. Kaedah-kaedah yang digunakan dalam memperolehi data ini adalah termasuk soal selidik dan ujian rintis. Dalam kajian ini, borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat/data daripada pensyarah-pensyarah Universiti Malaya. Penulis telah menggunakan metod ini dengan secara langsung dan terus kepada pensyarah-pensyarah Universiti Malaya melalui bantuan ketua jabatan dan kakitangan bagi mengedarkan borang soal selidik kepada pensyarah-pensyarah di setiap fakulti dan jabatan. Sebanyak 250 borang soal selidik telah diedarkan kepada sampel kajian dan daripada jumlah tersebut sebanyak 102 telah diterima semula. Ini bermakna kadar respon adalah sebanyak 40.8%. Maklumat mengenai soal selidik (kajian lapangan) ini

akan diterangkan oleh penyelidik dengan lebih jelas dalam bab ini bahagian peralatan kajian/ instrument kajian nanti.

## 1.2 Populasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sekitar Universiti Malaya Kuala Lumpur. Populasi kajian ini terdiri daripada pensyarah-pensyarah Muslim yang bertaraf tetap yang terdiri daripada Profesor, Profesor Madya dan pensyarah. Kajian ini melibatkan setiap fakulti dan akademi kecuali fakulti pergigian kerana fakulti ini kurang pensyarah Muslim dan borang soal selidik yang diedarkan tidak mendapat tindak balas daripada pensyarah di situ. Penyelidik telah menggabungkan setiap fakulti/akademi tersebut kepada dua aliran sahaja iaitu bidang sains & teknologi dan bidang kemanusiaan. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan pembahagian fakulti kepada dua aliran iaitu fakulti / akademi yang termasuk dalam aliran kemanusiaan dan fakulti aliran sains dan teknikal.

Jadual : 1.1: (Pembahagian fakulti kepada dua aliran)

Kemanusiaan	Sains dan Teknikal
Akademi Pengajian Islam	Kejuruteraan
Sastera dan Sains Sosial	Sains
Pendidikan	Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Ekonomi	Alam Bina
Bahasa dan Linguistik	Perubatan
Perniagaan dan Perakaunan	-
Akademi Pengajian Melayu	-
Undang-undang	-

Sumber : Data-data kaji selidik

Memandangkan bilangan pensyarah Muslim yang ramai iaitu seribu orang, dan terdapat empat belas fakulti/akademi<sup>1</sup>, maka penyelidik telah menggunakan kaedah persempalan rawak bagi mendapatkan maklumat daripada pensyarah. Banyak borang soal selidik diedarkan di fakulti aliran kemanusiaan berbanding aliran/bidang sains dan teknikal kerana terdapat ramai pensyarah Muslim dalam aliran/bidang kemanusiaan ini. Penyelidik memilih sampel kajian seramai 250 orang pensyarah yang mana borang soal selidik itu telah diedarkan secara rawak. Setiap fakulti/akademi diedarkan dan diwakili oleh dua puluh orang pensyarah dan terdapat juga fakulti yang diedarkan borang soal selidik sebanyak dua puluh lima borang iaitu Akademi Pengajian Islam, lima belas borang di Fakulti Bahasa dan Linquistik dan sepuluh borang di Fakulti Undang-undang. Borang soal selidik ini diedar berdasarkan kepada jumlah bilangan pensyarah Muslim di fakulti masing-masing melalui bantuan kerani dan kakitangan di setiap fakulti. Jadual 1.2 menunjukkan bilangan anggaran sampel.

---

<sup>1</sup> Pengurusan sumber manusia, ( 2004 ), Universiti Malaya

**Jadual 1.2: ( Bilangan sampel)**

Bil	Bidang penyelidikan (Aliran kemanusiaan)	Jumlah sampel	Jumlah borang diedar	Bidang penyelidikan (Aliran sains dan teknikal)	Jumlah sampel	Jumlah borang diedar
1.	Akademi Pengajian Islam	25	25	Alam bina	20	20
2.	Akademi Pengajian Melayu	20	20	Kejuruteraan	20	20
3.	Bahasa dan Linguistik	15	15	Perubatan	20	20
4.	Ekonomi	20	20	Sains	20	20
5.	Pendidikan	20	20	Sains Komputer & Teknologi Maklumat	20	20
6.	Perniagaan dan Perakaunan	20	20			
7.	Sastera dan Sains Sosial	20	20			
8	Undang-undang	10	10			
	Jumlah	150	150	Jumlah	100	100

Sumber: Data-data kaji selidik

Dari segi pemilihan sampel, kajian ini seberapa yang boleh mahu melibatkan pensyarah Muslim di setiap fakulti/akademi. Oleh itu, sebanyak 250 borang soal selidik telah diedarkan kepada semua fakulti/akademi bagi memastikan semua pensyarah di setiap fakulti/akademi terlibat dalam kajian ini.

Walau bagaimanapun, hanya sebanyak 103 borang soal selidik yang telah lengkap diisi telah dikembalikan. Ia merupakan 41 peratus daripada borang soal selidik yang telah diedarkan. Butiran terperinci mengenai populasi, sampel dan responden adalah seperti di jadual 1.3 di bawah.

**Jadual 1.3: ( Jumlah populasi, sampel dan responden)**

Bil	Bidang penyelidikan (Aliran kemanusiaan)	Jumlah sampel	Bilangan responden	Bidang penyelidikan (Aliran sains dan teknikal)	Jumlah sampel	Bilangan responder
1.	Akademi Pengajian Islam	25	15	Alam Bina	20	11
2.	Akademi Pengajian Melayu	20	6	Kejuruteraan	20	10
3.	Bahasa dan Linguistik	15	10	Perubatan	20	4
4.	Ekonomi	20	6	Sains	20	10
5.	Pendidikan	20	10	Sains Komputer & Teknologi Maklumat	20	5
6.	Perniagaan dan Perakaunan	20	12			
7.	Sastera dan Sains Sosial	20	6			
8.	Undang-undang	10	5			
	Jumlah	150	62	Jumlah	100	40

Sumber: Data-data kaji selidik

### **1.3 Peralatan Kajian/ Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat/data berbentuk primer daripada pensyarah. Sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden sebenar, pengkaji membuat ujian rintis terlebih dahulu bagi mendapatkan kesahan soalan.

Ujian rintis telah dilakukan kepada beberapa orang pensyarah Muslim Universiti Malaya secara rawak. Ini adalah bertujuan untuk mengetahui soalan-soalan yang disediakan boleh difahami oleh responden dan faham tentang jawapan yang akan diberikan bagi setiap soalan yang akan ditanya. Ujian rintis ini dilakukan ke atas seramai 15 orang pensyarah. Sebelum borang soal selidik ini diedarkan kepada responden sebenar, penyelidik mengubah dan memperbaiki soalan yang telah dikomen

oleh responden daripada ujian rintis tersebut. Selain daripada itu, borang soal selidik telah disemak oleh penyelia untuk memastikan soalan yang relevan dan bersesuaian dengan objektif kajian sahaja yang ditanya kepada responden.

Borang soal selidik yang digunakan untuk mengumpul maklumat dalam kajian ini terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A hingga bahagian D. Semua responden mendapat set soal selidik yang sama. Empat bahagian set soal selidik ini terdiri daripada bahagian A untuk maklumat diri, Ujian Personaliti Eysenck (Bahagian B), Ujian Sikap (Bahagian C), dan akhir sekali soalan bagi mengetahui tahap pencapaian produktiviti kerja pensyarah (Bahagian D).

### **1.3.1 Bahagian A( Maklumat diri)**

Bahagian maklumat diri mengandungi lapan item iaitu umur, jantina, taraf perkahwinan, pangkat, taraf pendidikan, tempoh perkhidmatan, pendidikan tertinggi, bidang penyelidikan dan tempat bertugas. Manakala penentuan agama, pengkaji meminta bantuan kakitangan dan kerani senarai nama pensyarah Muslim dan meminta mereka mengedarkan borang soal selidik kepada pensyarah Muslim sahaja.

### **1.3.2 Bahagian B ( Soal selidik Personaliti Eysenck)**

Soal selidik personaliti Eysenck digunakan untuk mengetahui jenis personaliti yang dimiliki oleh pensyarah yang menjadi subjek pengkaji. Personaliti Eysenck dipilih kerana teori ini mudah untuk mendapat maklumat personaliti berbanding dengan ujian personaliti dengan cara ujian klinikal, tulisan, warna dan sebagainya dan ujian-ujian ini tidak sesuai dengan golongan profesional.

Borang soal selidik ini pengkaji mengambil daripada tesis Hazalizah Bt Hamzah (1999).<sup>2</sup> Asalnya Soal selidik ini dibentuk oleh Eysenck dan Eysenck (1975). Ia merupakan soal selidik yang diubah suai daripada *Eysenck Personality Inventory*. Terjemahan alat ini telah dilakukan oleh Shripati Upadhyaya dan Rahmatullah Khan (1983) dengan bantuan beberapa orang pelajar dari Fakulti Sains Perubatan Universiti Sains Malaysia dengan menggunakan kaedah terjemahan kembali. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah melakukan sedikit perubahan ke atas terjemahan yang telah dilakukan oleh kumpulan perintis ini iaitu ujian personaliti bohong telah dibuang kerana tidak sesuai dengan golongan profesional.

EPQ mengandungi 90 item iaitu 21 item *introvert-exstrovert*, 23 item neuritik, 25 item psikotik, dan 21 item bohong. Dalam kajian ini, sub skala bohong tidak digunakan kerana ia tidak sesuai dengan subjek kajian dan terdapat juga beberapa soalan yang dibuang kerana tidak relevan dengan subjek kajian. Justeru, terdapat 59 item EPQ yang digunakan dalam kajian ini. Kesemua item dalam sub skala neuritik adalah positif.<sup>3</sup> Sementara itu, terdapat tiga item negatif<sup>4</sup> dalam sub skala *introvert-exstrovert* dan sebelas item negatif dalam sub skala psikotik. Pembahagian item positif dan negatif dalam EPQ diringkaskan dalam rajah 1.1 di bawah.

<sup>2</sup> Hazalizah Binti Hamzah (1999), "Tekanan Kerja dan Kemurungan : Perbandingan Mengikut Personaliti dan Kerjaya antara Guru, Polis, dan Jururawat", (Disertasi MA, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaya)

<sup>3</sup> Item positif : Item personaliti yang menunjukkan soalan dalam soal selidik berbentuk positif

<sup>4</sup> Item negatif : Item personaliti yang menunjukkan soalan dalam soal selidik berbentuk negatif

Dalam membuat pemarkatan item positif EPQ, jawapan YA diberikan markat 1 dan TIDAK markat 0 manakala item negatif jawapan YA diberi markat 0 dan TIDAK diberi markat 1. Dalam sub skala *introvert-extrovert*, subjek yang mendapat markat 0 hingga 10 merupakan individu introvert manakala subjek yang mendapat markat 11 hingga 21 merupakan individu *extrovert*. Bagi sub skala neuritik, subjek yang mendapat markat 11 hingga 23 dikatakan mempunyai personaliti neuritik dan individu yang mendapat kurang daripada markat 11 dikategorikan dalam kumpulan tidak neuritik. Dalam sub skala psikotik pula, markat 13 hingga 25 melambangkan individu yang psikotik sebaliknya markat 12 ke bawah menunjukkan individu yang tidak psikotik.

**Rajah: 1.1: Pembahagian item positif dan negatif EPQ (Ujian Personaliti Eysenck)**

<b>SUB SKALA</b>	<b>ITEM POSITIF</b>	<b>ITEM NEGATIF</b>	<b>JUMLAH ITEM</b>
<b>NEUROTISME</b>	EPQ3, EPQ6, EPQ10, EPQ12, EPQ15, EPQ17, EPQ22,EPQ25, EPQ27,EPQ29, EPQ34,EPQ38 EPQ40, EPQ43 EPQ46, EPQ50, EPQ52, EPQ54, EPQ55, EPQ59		20
<b>PSIKOTISME</b>	EPQ19, EPQ21 EPQ24, EPQ31 EPQ33, EPQ45 EPQ47, EPQ51 EPQ53, EPQ57	EPQ2, EPQ5, EPQ7, EPQ9, EPQ14, EPQ26 EPQ37, EPQ39 EPQ42, EPQ49	20
<b>INTROVERSI- EKSTRAVERSI</b>	EPQ1, EPQ4, EPQ8, EPQ11, EPQ13,EPQ18, EPQ23,EPQ28 EPQ32,EPQ35 EPQ36, EPQ41 EPQ44, EPQ48, EPQ56, EPQ58	EPQ16, EPQ20, EPQ30	19

Sumber : Data-data soal selidik

Kajian Shripati Upadhyaya dan Rahmatullah Khan (1983) telah menggunakan teknik uji semula untuk melihat indeks kebolehpercayaan ketekalan dalaman EPQ. Korelasi markat ujian pertama dengan market ujian kedua dalam kajian tersebut adalah agak memuaskan iaitu  $r = 0.74$ . Bagi kesahan pula, korelasi di antara keempat-empat sub skala EPQ adalah diantara  $r = 0.20$  hingga  $r = 0.60$ . Pengkaji-pengkaji tempatan lain yang menggunakan EPQ melaporkan indeks kebolehpercayaan ketekalan dalaman yang tidak jauh berbeza dengan yang dilaporkan oleh Shripati Upadhyaya dan Rahmatullah Khan (1983). Tee Bee Tin (1994) misalnya, menunjukkan bahawa pekali kebolehpercayaan yang diperolehi dengan menggunakan kaedah bagi dua adalah  $r = 0.66$  dan apabila dibaiki dengan formula Spearman- Brown, nilai tersebut meningkat kepada  $r = 0.80$ .

Dalam kajian ini, kebolehpercayaan ketekalan dalaman ditinjau dengan menggunakan formula KR20 kerana EPQ menggunakan skala jawapan binari YA\_TIDAK, sesuai dengan saranan Anastasi (1976). EPQ mempunyai kebolehpercayaan ketekalan dalaman yang baik iaitu indeks KR20 = 0.98. Wujud saling hubungan yang signifikan di antara sub skala dengan pekali korelasi sekitar  $r = 0.15$  ( $k < 0.01$ ). Secara terperinci, korelasi di antara sub introversi-ekstraversi dengan sub skala neurotisme dan sub skala psikotisme masing-masing adalah  $r = 0.24$  ( $k < 0.01$ ) dan  $r = 0.31$  ( $k < 0.01$ ) sementara korelasi di antara sub skala neurotisme dengan sub skala psikotisme adalah  $r = 0.15$  ( $k < 0.01$ ). Justeru, disimpulkan bahawa EPQ mempunyai kesahan yang memuaskan.

### **1.3.3 Bahagian C (Ujian Sikap)**

Tujuan ujian ini adalah untuk mengetahui sikap yang dimiliki oleh pensyarah terhadap kerja. Soalan ini dibentuk oleh pengkaji berdasarkan soalan dan maklumat yang terdapat dalam buku rujukan (gelagat individu) dan melalui perbincangan dengan penyelia. Item-item dalam ujian sikap terdiri daripada empat aspek utama iaitu terdapat empat sub skala sikap yang diuji iaitu penglibatan kerja, kepuasan kerja, komitmen pada organisasi dan hubungan dengan Allah. Sikap hubungan dengan Allah dipilih kerana pengkaji memilih responden yang Muslim sahaja. Seterusnya, kesemua item tersebut disusun mengikut sub skala masing-masing. Dalam bahagian ini, terdapat 35 item ujian sikap. 10 item berkaitan penglibatan kerja, 10 item kepuasan kerja, 5 item iltizam kepada organisasi dan 10 item hubungan dengan Allah. Rajah 1.2 di bawah menunjukkan bilangan item positif dan negatif mengikut sub skala masing-masing.

**Rajah 1.2: Sub skala sikap dan bilangan item positif dan negatif**

---

SUB SKALA	ITEM POSITIF	ITEM NEGATIF	JUMLAH
PENGLIBATAN KERJA	Q1, Q2, Q3, Q4, Q5, Q6, Q10	Q7, Q8, Q9,	10
KEPUASAN KERJA	Q1, Q2, Q3, Q4, Q5, Q7, Q9, Q10	Q6, Q8	10
ILTIZAM KEPADA ORGANISASI	Q1, Q2, Q3,	Q4, Q5	5
HUBUNGAN DENGAN ALLAH	Q1, Q2, Q3, Q4, Q5, Q7, Q9	Q6, Q8	10

Item-item bagi bahagian ini, pengkaji menggunakan teknik skala Likert iaitu bermula daripada 1 “Sangat tidak bersetuju”, 2 “Tidak bersetuju”, 3 “Tidak pasti”, 4 “Bersetuju”, 5 “Sangat bersetuju”. Namun begitu, bagi tujuan penganalisaan, skala “sangat tidak bersetuju” dan “tidak bersetuju” akan diklasifikasikan sebagai tidak bersetuju dan skala “bersetuju” dan “sangat bersetuju” sebagai bersetuju.

Bagi mengetahui tahap sikap responden terhadap kerja, data-data yang diperolehi daripada analisa di peringkat pertama akan dikodkan semula atau *recode* menjadi “rendah”, “sederhana” dan “tinggi”. Ini bermakna jawapan responden bagi

kategori “sangat tidak bersetuju” dan “tidak bersetuju” akan dikodkan semula sebagai mempunyai sikap di tahap yang “rendah”. Manakala bagi kategori “tidak pasti” akan dikodkan semula sebagai “sederhana” dan kategori “bersetuju” dan “sangat bersetuju” akan dikodkan semula sebagai mempunyai tahap sikap yang “tinggi”. Responden akan diminta membuat pilihan bagi menunjukkan tingkat responnya. Pengkaji memilih teknik ini kerana ia lebih mudah dan lebih cepat berbanding dengan teknik lain.

Dalam membuat peremarkahan bagi item positif, jawapan ‘sangat bersetuju’ diberi markat 5, jawapan ‘bersetuju’ diberi markah 4, markah 3 untuk jawapan ‘tidak pasti’, markat 2 untuk jawapan ‘tidak bersetuju’, dan markah 1 untuk jawapan ‘sangat tidak bersetuju’. Manakala bagi item negative, markah berlaku sebaliknya iaitu jawapan ‘sangat bersetuju’ diberi markah 1, jawapan ‘bersetuju’ diberi markah 2, markah 3 untuk jawapan tidak pasti, markah 4 untuk jawapan ‘tidak bersetuju’ dan markah 5 untuk jawapan ‘sangat tidak bersetuju’.

Untuk mendapat skor bagi skala ini, semua markah bagi tiap-tiap item itu dicampurkan. Jumlah yang didapati itu menunjukkan sikap yang diukur itu. Markah maksimum yang mungkin dicapai untuk sub skala sikap bagi bahagian ‘penglibatan kerja’(PK), ‘kepuasan kerja’(KK) dan ‘hubungan dengan Allah’(HDA) ialah 50 markah dan markah minimum pula ialah sepuluh. Manakala bagi bahagian ‘iltizam kerja’(IK) markah maksimum yang boleh dicapai ialah 25 markah dan markah minimum pula ialah lima. Ini kerana bahagian ini terdapat lima soalan sahaja. Penentuan bagi mengelaskan tahap sikap adalah seperti berikut:

a) Penglibatan kerja

Terdapat 10 item semuanya, responden diminta menanda jawapan mengikut skala yang telah diberi. Contoh soalan:

Saya sanggup bekerja lebih masa walaupun tidak dibayar.

1      2      3      4      5

Penentuan bagi mengelaskan tahap sikap adalah seperti berikut:

- |         |                                   |
|---------|-----------------------------------|
| 10 – 29 | Tahap penglibatan kerja rendah    |
| 30 – 39 | Tahap penglibatan kerja sederhana |
| 40 – 50 | Tahap penglibatan kerja tinggi    |

b) Kepuasan kerja

Terdapat 10 item semuanya, responden diminta menanda jawapan mengikut skala yang telah diberi. Contoh soalan:

Saya suka dengan kerja saya sekarang.      1      2      3      4      5

Penentuan bagi mengelaskan tahap sikap adalah seperti berikut:

- |         |                                |
|---------|--------------------------------|
| 10 – 29 | Tahap kepuasan kerja rendah    |
| 30 – 39 | Tahap kepuasan kerja sederhana |
| 40 – 50 | Tahap kepuasan kerja tinggi    |

c) Komitmen pada organisasi

Terdapat 5 item semuanya, responden diminta menanda jawapan mengikut skala yang telah diberi. Contoh soalan:

Saya berhasrat untuk kekal di organisasi ini. 1      2      3      4      5

Penentuan bagi mengelaskan tahap sikap adalah seperti berikut:

10 – 29      Komitmen kerja rendah (KKR)

30 – 39      Komitmen kerja sederhana (KKS)

40 – 50      Komitmen kerja tinggi (KKT)

d) Hubungan dengan Allah

Terdapat 10 item semuanya, responden diminta menanda jawapan mengikut skala yang telah diberi. Contoh soalan:

Ketika membuat kerja saya sentiasa merasakan Allah bersama dengan saya.

1      2      3      4      5

Penentuan bagi mengelaskan tahap sikap adalah seperti berikut

10 – 29      Tahap hubungan dengan Allah rendah

30 - 39      Tahap hubungan dengan Allah sederhana

40 – 50      Tahap hubungan dengan Allah tinggi

### **1.3.4 Bahagian D ( Ujian Produktiviti Kerja)**

Soalan di bahagian ini bertujuan untuk mengetahui produktiviti kerja yang telah dilakukan dan dihasilkan oleh pensyarah di Universiti Malaya. Produktiviti kerja atau hasil kerja seorang pensyarah dilihat dari aspek penyelidikan, penerbitan, keaktifan dan prestasi pelajar mereka. Dalam aspek penyelidikan, produktiviti dikenalpasti berdasarkan jumlah penyelidikan yang dilakukan. Manakala bagi penerbitan pula, produktiviti diukur dengan melihat kepada jumlah penerbitan dan bentuk penerbitan. Aspek keaktifan pensyarah pula diukur berdasarkan kepada jawatan yang pernah disandang dalam pentadbiran.

Terdapat lima soalan di bahagian ini. Untuk mendapat skor bagi bahagian ini, semua markat bagi tiap-tiap soalan itu dicampurkan. Jumlah yang didapati itu menunjukkan tahap produktiviti yang diukur itu. Markah maksimum yang mungkin dicapai untuk bahagian ini ialah 25 markah dan markah minimum ialah lima. Produktiviti ditentukan berdasarkan markah purata yang diperolehi oleh responden tersebut. Contoh, responden mendapat 20 markah, jadi markah puratanya :  $20/5 = 4$ . Maka, responden ini dikategorikan sangat produktif.

Penentuan bagi mengelaskan tahap produktiviti adalah seperti berikut:

- 1      Sangat tidak produktif (STP)
- 2      Tidak produktif (TP)
- 3      Produktif (P)
- 4      Sangat produktif (SP)

Namun begitu, bagi tujuan penganalisaan, “sangat tidak produktif” dan “tidak produktif” akan diklasifikasikan sebagai “tidak produktif” dan “produktif” dan “sangat produktif” akan diklasifikasikan sebagai produktif.


### **Rangka Kerja Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui sejauhmanakah pengaruh personaliti dan sikap yang dimiliki oleh pekerja khususnya pensyarah Universiti Malaya dalam penentuan produktiviti kerja. Individu (manusia) adalah merupakan salah satu aset yang diperlukan bagi menghasilkan produktiviti kerja. Daripada kajian sebelum ini, bolehlah dikatakan individu yang memiliki sikap yang berkualiti (cemerlang) dan personaliti yang hebat, dapat menghasilkan kerja yang berkualiti dan cemerlang. Merujuk pada pernyataan inilah rangka kajian dibentuk. Rangka kerja kajian ini adalah seperti rajah 1 dibawah. Daripada rajah tersebut, terdapat tiga angkubah bebas (independent variable) yang digunakan dalam kajian ini, iaitu ciri-ciri demografi, personaliti dan sikap. Manakala angkubah bersandarnya (dependent variable) ialah produktiviti kerja.

Rajah 1.3 : Model rangka kerja kajian

ANGKUBAH BEBAS

ANGKUBAH TIDAK BEBAS



Rajah 4.3: Model Rangka Kerja Kajian

#### **1.4 Proses pengumpulan data**

Penyelidik telah mendapat kebenaran daripada penolong pendaftar sumber manusia Universiti Malaya untuk melakukan penyelidikan di Universiti Malaya. Selain itu, penyelidik juga meminta dan mendapat kebenaran daripada dekan dan ketua jabatan bagi membuat penyelidikan dan mengedarkan borang soal selidik di setiap fakulti.

Pengedaran borang soal selidik bermula pada 7 April 2004. Penyelidik berjumpa dengan ketua jabatan atau kakitangan di setiap fakulti untuk menerangkan tujuan penyelidikan dan menyerahkan soalan kepada beliau untuk diedarkan kepada para pensyarah yang dipilih secara rawak. Setiap fakulti diberi borang soal selidik megikut bilangan pensyarah Muslim yang bertaraf tetap yang mengajar di situ dan tidak termasuk dengan pensyarah yang sedang bercuti. Status pensyarah Muslim yang bertaraf tetap dikenal pasti dengan bantuan kakitangan dan kerani di fakulti masing-masing. Boleh dikatakan setiap fakulti/akademi diedarkan sebanyak 20 borang soal selidik. Penyelidik memberi tempoh sepuluh hari bagi responden menjawab borang soal selidik tersebut kerana meramandangkan ramai di kalangan para pensyarah yang sibuk. Penyelidik mendapati ada pensyarah yang terlibat tidak menyerahkan borang soal selidik setelah proses pengumpulan semula soal selidik selesai. Didapati seramai 102 orang responden sahaja yang telah memberi kerjasama daripada 250 orang responden. Proses pengumpulan data ini berakhir pada 25 Mei 2004.

## 1.5 Penganalisaan Data

Semua data daripada soal selidik diproses dengan menggunakan program SPSS dan dianalisis dengan menggunakan ujian-ujian statistik tertentu. Dua statistik telah digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif iaitu frekuensi dan peratusan digunakan bagi mendapat gambaran sosio demografi responden, jenis personaliti bagi skala-skala *introvert/extrovert*, psikotik/tidak psikotik, dan neurotik/tidak neurotik dan jenis sikap.

Skala yang digunakan di dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan Skala Likert (Likert Scale). Pemilihan skala ini dibuat kerana kesesuaianya, boleh dipercayai dan mudah untuk melaksanakannya. Bernard M. Bass dan Gerald V. Barrett memberikan tiga sebab mengapa skala Likert ini sesuai digunakan iaitu masa yang sedikit diperlukan, mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan senang untuk ditadbirkan.<sup>5</sup> Bagi mengukur tahap sikap dan produktiviti responden, maklumbalas yang diterima berdasarkan skala Likert akan dikodkan semula atau *recode* menjadi sama ada ‘rendah’, ‘sederhana’, atau ‘tinggi’.

Ujian-ujian statistik juga dijalankan bagi mengukur perkaitan atau perhubungan di antara tiga pembolehubah yang berbeza, iaitu pembolehubah bebas (personaliti, sikap dan faktor sosio demografi) dengan pembolehubah berubah iaitu tahap produktiviti. Ujian akan menggunakan dua kaedah iaitu ‘Pearson Correlation’ dan *Chi-*

<sup>5</sup> Bernard M. Bass and Gerald V. Barrett (1981), *People, Work and Organization: An Introduction to Industrial and Organizational Psychology*, Cetakan kedua, Boston : Allyn & Bacon Inc. hlm 96.

*squire*'. Ujian Pearson Correlation akan dilakukan bagi data-data berbentuk ordinal manakala ujian *chi-squire* digunakan bagi menguji data-data berbentuk nominal seperti ciri-ciri individu atau sosio-demografi. Paras signifikan atau *level of significance* bagi kedua-dua ujian statistik di atas ialah 0.1 (10%). Sekiranya ujian statistik bagi sesuatu pembolehubah itu mendapati paras keertiannya memenuhi keperluan paras signifikan yang ditetapkan ini, maka pembolehubah berkenaan dianggap mempengaruhi secara signifikan dengan tahap produktiviti responden. Sebaliknya, jika paras keertiannya berada di bawah paras signifikan, maka kesimpulan yang dapat dibuat ialah kedua-dua pembolehubah berkenaan tidak mempunyai hubungan yang signifikan.<sup>6</sup>

---

<sup>6</sup> Kamarudin Bin Daud, (1997/1998), "Kajian Terhadap Tahap Motivasi Petugas-petugas Kaunter di Sektor Awam", (Tesis MA, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya). hlm31